



*Ruj. Tuan* :

*Ruj. Kami* : JK/MP 16 Jld. 5 (41)

*Tarikh* : 11 Mei 2017

Pengarah Mahkamah Negeri  
**Semenanjung Malaysia**

Hakim Mahkamah Sesyen  
**Semenanjung Malaysia**

Majistret  
Mahkamah Majistret  
**Semenanjung Malaysia**

Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Rendah  
**Semenanjung Malaysia**

Penolong Pendaftar  
Mahkamah Rendah  
**Semenanjung Malaysia**

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**PEKELILING KETUA PENDAFTAR BIL. 2 TAHUN 2017**  
**GARIS MASA (*TIMELINE*) PENYELESAIAN KES**  
**JENAYAH DAN SIVIL BAGI MAHKAMAH RENDAH**

Setelah merujuk kepada YAA Hakim Besar Malaya dan selaras dengan Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] dan Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [P.U (A) 205/2012] dan bagi tujuan penyeragaman dan penyelesaian kes yang efisien, YAA Hakim Besar Malaya telah mengarahkan penetapan garis masa (*timeline*) bagi penyelesaian kes jenayah dan sivil di Mahkamah Rendah seluruh Semenanjung Malaysia.

**2. TUJUAN**

- 2.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menjadi panduan kepada semua Pegawai Kehakiman dalam pengurusan dan penyelesaian kes jenayah dan sivil secara lebih efisien dan sistematik.
- 2.2 Pekeliling ini juga bertujuan untuk menyeragamkan garis masa (*timeline*) penyelesaian kes dan menjadi mekanisma pemantauan penyelesaian kes yang berkesan di Mahkamah Rendah seluruh Semenanjung Malaysia.

### 3. GARIS MASA (*TIMELINE*)

3.1 Garis masa (*timeline*) penyelesaian kes jenayah dan sivil adalah bermula dari tarikh pendaftaran kes di Mahkamah seperti yang berikut:

(a) Mahkamah Sesyen Jenayah dan Sivil-

Kes Jenayah : 12 bulan  
Kes Sivil : 9 bulan

(b) Mahkamah Majistret Jenayah dan Sivil-

Kes Jenayah : 12 bulan  
Kes Sivil : 6 bulan (kecuali kes-kes tuntutan kecederaan diri/kemalangan jalanraya)  
Kes Sivil : 9 bulan (tuntutan kecederaan diri/kemalangan jalanraya)

3.2 Bagi kes jenayah dan sivil yang dikembalikan dari Mahkamah Atasan selepas rayuan dilupuskan atau kes dihidupkan semula atau kes yang relevan dengan keadaan tersebut, tempoh penyelesaian kes tersebut hendaklah tertakluk kepada garis masa (*timeline*) sebagaimana di perenggan 3.1 di atas.

3.3 Semua Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret seluruh Semenanjung Malaysia hendaklah memastikan kes yang ditetapkan dan dikendalikan diselesaikan menurut garis masa (*timeline*).

### 4. PERMULAAN KUAT KUASA

Pekeliling ini mula berkuat kuasa dari tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.

### 5. PEMBATALAN

Pekeliling Ketua Pendaftar Bil 1 Tahun 2017 dengan ini terbatal dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

  
(DATO SRI LATIFAH BINTI HJ MOHD TAHAR)

Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

***Salinan Kepada:***

YAA Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YAA Presiden Mahkamah Rayuan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YAA Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi Kuching  
**SARAWAK**

YBhg. Tan Sri Peguam Negara  
Jabatan Peguam Negara  
No. 45 Persiaran Perdana  
Presint 4,  
**62100 PUTRAJAYA**

YA-YA Hakim Pengurus  
Mahkamah Rendah  
**SEMENANJUNG MALAYSIA**

Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi)  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar Mahkamah Rayuan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Timbalan Ketua Pendaftar (Operasi)  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak  
Kompleks Mahkamah Kuching  
**SARAWAK**

---

Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak  
Kompleks Mahkamah Kuching  
**SARAWAK**

Pengarah Bahagian Dasar dan Perundangan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pengarah Bahagian Pengurusan  
Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan E-Kehakiman  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Timbalan Pendaftar dan Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi  
**SELURUH MALAYSIA**

Penolong Pendaftar  
Mahkamah Rendah  
**SELURUH MALAYSIA**

Pustakawan  
Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Presiden  
Majlis Peguam Malaysia  
**KUALA LUMPUR**

Pengerusi  
Persatuan Undang-Undang Sabah  
**SABAH**

Pengerusi  
Persatuan Peguam Bela Sarawak  
Bilik Peguam, Kompleks Mahkamah Kuching  
**SARAWAK**

---

Editorial Director  
Malaysia Current Law Journal  
CLJ Legal Network Sdn Bhd  
Ampang  
**SELANGOR**